



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 7 TAHUN 2021**

**PELAKSANAAN PROGRAM INSENTIF PENGAMBILAN PEKERJA
DAN PROGRAM LATIHAN (PENJANA KERJAYA 3.0)
DI BAWAH PEMULIH 2021**

1. TUJUAN

1.1 Pekeling Majikan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan mengenai pelaksanaan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan (PenjanaKerjaya 3.0) di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan (PenjanaKerjaya 1.0) sebelum ini di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), dan PenjanaKerjaya 2.0 di bawah Belanjawan 2021 akan diteruskan melalui PenjanaKerjaya 3.0 di bawah PEMULIH 2021 sebagaimana yang diumumkan oleh Kerajaan pada 28 Jun 2021 dengan beberapa perubahan.

2.2 Permohonan bagi insentif PenjanaKerjaya 2.0 telah ditutup **pada 7 Julai 2021** dan permohonan akan diproses dan, sekiranya diluluskan, bayaran akan dibuat oleh PERKESO sehingga selesai mengikut kadar yang ditetapkan di bawah PenjanaKerjaya 2.0. Bagi majikan yang telah

menerima kelulusan di bawah PenjanaKerjaya 2.0, mereka masih boleh membuat permohonan **sehingga 30 September 2021** bagi pekerja yang berkenaan untuk menjalani latihan.

- 2.3 Sepertimana program-program sebelum ini, PenjanaKerjaya 3.0 bertujuan untuk merangsang permintaan pekerja di kalangan majikan dan meningkatkan kebolehpekerjaan serta peluang pekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
- 2.4 PenjanaKerjaya 3.0 ini mengekalkan bantuan insentif-insentif sebelum ini iaitu Insentif Perantisan, Insentif Pengambilan Pekerja, Elaun Persediaan Kerja (Bantuan Mobiliti), dan juga kelayakan menjalani latihan kepada semua pekerja baharu diambil yang diluluskan di bawah PenjanaKerjaya 3.0.
- 2.5 Secara ringkasnya, perbezaan program PenjanaKerjaya 3.0 berbanding program-program sebelum ini adalah seperti berikut:
 - I. Kelayakan gaji minima yang ditawarkan kepada pekerja yang diambil di bawah kategori Malaysianization dikurangkan daripada RM1,500 kepada RM1,200 sebulan;
 - II. Syarat tempoh minimum kontrak perkhidmatan yang ditawarkan kepada pekerja kategori HireMalaysia bagi golongan mudah terjejas dikurangkan daripada 12 bulan kepada 6 bulan, khas bagi yang berusia 50 tahun ke atas, Bekas Penagih Dadah / Bekas Banduan / Orang yang Diparol; dan
 - III. Terdapat dua kadar Insentif Perantisan berdasarkan tempoh kontrak perantisan sebagaimana diterangkan di dalam Pekeliling ini.

2.6 Insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0 adalah seperti berikut;

- i. **Kategori Apprentice** - Insentif Perantisan bagi majikan yang mengambil pencari kerja tempatan secara perantis dan keutamaan diberi kepada graduan dan pelajar lepasan sekolah yang berumur 18 hingga 30 tahun.
- ii. **Kategori HireMalaysia** - Insentif Pengambilan Pekerja bagi majikan yang menggaji pencari kerja tempatan. Terdapat 5 kumpulan sasar bagi kategori insentif ini, iaitu:
 - Insentif Pengambilan Pekerja tempatan **di bawah umur 40 tahun**;
 - Insentif Pengambilan Pekerja tempatan berumur **40 tahun dan ke atas**;
 - Insentif Pengambilan Pekerja tempatan daripada **golongan mudah terjejas** terutamanya Orang Kurang Upaya (OKU) dan peserta Program *Return to Work* PERKESO;
 - Insentif Pengambilan Pekerja bagi kategori **pengangguran yang berpanjangan dan penerima faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)**; dan
 - Insentif Pengambilan Pekerja bagi Malaysianization untuk majikan yang mengambil pekerja tempatan bagi jawatan yang sebelum ini diisi oleh pekerja asing.
- iii. **Elaun Persediaan Kerja (Bantuan Mobiliti)** - bayaran one-off melalui majikan kepada pekerja yang menerima tawaran pekerjaan daripada majikan tersebut, yang diluluskan Insentif Pengambilan Pekerja atau Insentif Perantisan oleh PERKESO.
- iv. **Program Latihan:** Latihan semula (*reskilling and upskilling*) kepada pekerja, yang diluluskan Insentif Pengambilan Pekerja atau

Insentif Perantisan oleh PERKESO, berdasarkan keperluan pekerjaan dan perusahaan majikan.

3 SYARAT KELAYAKAN MEMOHON INSENTIF PENGAMBILAN PEKERJA (HIRING INCENTIVES), ELAUN PERSEDIAAN KERJA DAN PROGRAM LATIHAN DI BAWAH PENJANAKERJAYA 3.0

- 3.1 Permohonan bagi PenjanaKerjaya 3.0 dibuka **mulai 15 Julai 2021** kepada majikan yang mengambil pekerja yang melapor diri pada/selepas 15 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021.
- 3.2 Majikan hendaklah mendaftar kekosongan jawatan dan digalakkan mengambil pencari kerja melalui <https://www.myfuturejobs.gov.my/> iaitu Portal MYFutureJobs.
- 3.3 Majikan yang memohon hendaklah berdaftar dengan—
 - (a) SSM atau pihak berkuasa yang lain seperti ROS, ROC dan PBT, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (b) dengan KWSP dan mencarumkan pekerjanya; dan
 - (c) PERKESO dan mencarumkan pekerjanya sebelum 1 Jun 2021.
- 3.4 Sekiranya majikan tidak memenuhi syarat kelayakan di perenggan 3.3 (b) dan masih berminat untuk memohon insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0, majikan boleh mengemukakan permohonan pengecualian syarat tersebut ke alamat e-mel penjanakerjaya@perkeso.gov.my dan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang berikut:

- Borang SSM;
- Penyata Kewangan atau Kontrak Kerajaan yang menyokong perniagaan; dan
- Pelan Pengambilan Pekerja Baharu.

Pihak PERKESO mempunyai budi bicara mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan pengecualian syarat tersebut berpandukan dokumen-dokumen sokongan yang dikemukakan sebelum menentukan kelayakan majikan tersebut untuk menerima apa-apa insentif atau bantuan di bawah PenjanaKerjaya 3.0.

- 3.5 Majikan Sektor Awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Yang Diasingkan Saran serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah layak memohon **Insentif Perantisan**.
- 3.6 Agensi Pekerjaan Swasta, Syarikat Penyumberan Luar (Outsourcing / Contractor for Service) dan lain-lain majikan serupa yang memberikan perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada perusahaan lain (*principal*) dan bukan sebagai majikan adalah **tidak layak membuat permohonan PenjanaKerjaya 3.0**.
- 3.7 Majikan yang memohon Insentif Pengambilan Pekerja hendaklah menawarkan kontrak perkhidmatan ("**Contract of Service**"). Majikan yang menawarkan **pekerjaan yang berkonseptan Multi Level Marketing (MLM)**, pekerjaan bersifat sementara dan kontrak bagi perkhidmatan ("contract for service") adalah tidak layak memohon PenjanaKerjaya 3.0.
- 3.8 **Majikan wajib membuat pembayaran gaji pekerja dan perantis mengikut kadar gaji dan jadual pembayaran gaji yang telah ditetapkan**

dalam kontrak perkhidmatan serta mengikut syarat-syarat yang termaktub di dalam Akta Kerja 1955, mana-mana yang berkenaan.

- 3.9 Majikan adalah dilarang untuk membuat pendaftaran bagi pihak pencari kerja di Portal MYFutureJobs kerana individu yang mencari **kerja sahaja** dibenarkan untuk membuat pendaftaran sebagai pencari kerja di Portal MYFutureJobs dengan melengkapkan profil individu sebelum membuat permohonan pekerjaan.
- 3.10 Majikan yang mengambil pekerja baharu yang berikut adalah tidak layak memohon PenjanaKerjaya 3.0:
 - (a) Pekerja atau perantis yang telah atau sedang menerima dan tersenarai dalam Program PenjanaKerjaya 2.0 melainkan perantis di bawah PenjanaKerjaya 1.0 atau 2.0 yang diambil secara tetap / kontrak di bawah PenjanaKerjaya 3.0;
 - (b) Pekerja yang telah atau sedang menerima dan tersenarai dalam mana-mana Program Subsidi Upah (PSU) sama ada digaji oleh majikan yang sama atau berbeza;
 - (c) Pekerja yang merupakan **pemilik** perniagaan jenis milikan tunggal atau rakan kongsi dalam suatu perkongsian kecuali perniagaan syarikat sendirian berhad di mana pemilik syarikat yang dicarumkan kepada PERKESO boleh dianggap sebagai pekerja;
 - (d) Pekerja yang telah meletak jawatan secara sukarela sebelum diambil di bawah permohonan PenjanaKerjaya 3.0 kecuali jika pekerja tersebut telah menganggur selama tempoh sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum diambil oleh majikan yang memohon PenjanaKerjaya 3.0;

- (e) Pekerja merupakan **pelajar praktikal** atau **pelajar** yang masih belum tamat pengajian;
- (f) Pekerja merupakan ibu bapa, suami atau isteri, adik-beradik atau anak kepada majikan; dan
- (g) Pekerja bukan warganegara.

3.11 Perincian Syarat kelayakan PenjanaKerjaya 3.0 adalah seperti yang berikut:

SYARAT KATEGORI	Perantis	40 tahun ke bawah	40 tahun ke atas / Golongan Mudah Terjejas	Malaysianization
Penentuan insentif dan kategori	Perantis di kalangan lepasan sekolah dan graduan berumur 18 – 30 tahun (yang masih menganggur & tidak mempunyai pekerjaan yang tetap)	Kelayakan umur berdasarkan tarikh lahir pada kad pengenalan	Kelayakan umur berdasarkan tarikh lahir pada kad pengenalan Golongan Mudah Terjejas Pekerja tempatan di bawah kategori ini merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Orang Kurang Upaya • Peserta Program Return to Work PERKESO 	Jawatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing.

			<ul style="list-style-type: none"> • Bekas Penagih Dadah / Bekas Banduan / Orang yang Diparol • Golongan Miskin Tegar • Pengangguran Berpanjangan • Pemohon Faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) • Individu termasuk graduan ataupun individu yang tidak pernah mencarum PERKESO yang menganggur bagi tempoh melebihi 180 hari. 	
Jumlah maksimum had pekerja yang diambil			Tiada had maksimum jumlah pekerja	

Bayaran insentif kepada	Majikan			Majikan dan pekerja
Syarat Kontrak Perkhidmatan	Minimum 3 bulan hingga 6 bulan	Minimum 12 Bulan **Minimum 6 bulan bagi golongan mudah terjejas (bagi yang berusia 50 tahun ke atas, Bekas Penagih Dadah / Bekas Banduan / Orang yang Diparol)		Minimum 12 bulan
Kadar Insentif	<p>RM1,000 bagi tempoh 3 bulan (Bagi perantis yang dilanjutkan tempoh perantisan, lanjutan insentif sebanyak RM600 setiap bulan layak diberikan kepada majikan, tertakluk kepada 3 bulan maksimum)</p> <p>RM800 bagi tempoh perantisan 6 bulan</p>	40% daripada gaji bulanan (Maksimum insentif yang akan diterima adalah sebanyak RM6,000) sebanyak RM4,000)	60% daripada gaji bulanan (Maksimum insentif yang akan diterima adalah RM6,000) RM500 atau 20% daripada gaji bulanan (yang mana lebih tinggi) dibayar terus kepada pekerja	40% daripada gaji bulanan (Maksimum insentif yang akan diterima adalah RM4,000) RM500 atau 20% daripada gaji bulanan (yang mana lebih tinggi) dibayar terus kepada pekerja

	*Jumlah insentif maksimum yang akan diterima bagi seorang perantis ialah RM4,800 bagi tempoh 6 bulan			
Tempoh Insentif	3 bulan atau 6 bulan	6 bulan		
Elaun Persediaan Kerja	Elaun Persediaan Kerja (Bantuan Mobiliti) akan dibayar kepada pekerja secara one-off melalui majikan; lebih daripada 100km = RM1,000 / kurang daripada 100km = RM500			
Syarat Gaji Bulanan minimum	RM1,200	RM1,500	RM1,200	
*Berdasarkan gaji asas beserta elauan tetap sahaja.				
Kelayakan Yuran Latihan kepada penyedia latihan	Maksimum RM4,000	Maksimum RM7,000		

Syarat-syarat Lain	<ol style="list-style-type: none"> 1. Majikan hendaklah menawarkan gaji dan elauan yang sama seperti yang diiklankan di portal MyFutureJobs. 2. Majikan hendaklah mengiklankan jawatan di portal MYFutureJobs berdasarkan pemilihan di ruangan 'occupation' yang tepat. 3. Majikan hendaklah memastikan setiap pekerja dan kekosongan jawatan didaftarkan di dalam Portal MYFutureJobs (www.myfuturejobs.gov.my) 4. Pendaftaran profil MyfutureJobs sebagai pencari kerja harus dilakukan oleh pekerja sendiri dan tidak boleh dilakukan oleh majikan bagi pihak pekerja. 5. Majikan tidak boleh memberhentikan mana-mana pekerja atau perantis yang telah diambil dan diluluskan Insentif Pengambilan Pekerja dan Insentif Perantisan atau apa-apa bayaran lain di bawah PenjanaKerjaya 3.0. Walau apa sekalipun, sekiranya pekerja atau perantis yang berkenaan telah berhenti kerja, majikan wajib mengemas kini tarikh berhenti kerja dalam tempoh 48 jam di Portal Penjanakerjaya 3.0 dan Portal ASSIST. 6. Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (substitute) dengan pekerja yang sama atau yang baharu untuk permohonan PenjanaKerjaya 3.0. 7. Majikan hendaklah mematuhi garis panduan waktu bekerja yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955. 8. Majikan digalakkan mengambil calon pekerja daripada senarai pencari kerja yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs.
---------------------------	--

¹ Maklumat permohonan akan disemak silang bersama pangkalan data ICU JPM dan JKMM

4. KATEGORI PERANTIS

- 4.1 Majikan yang menggaji seseorang graduan atau lepasan sekolah yang berumur di antara 18 – 30 tahun sahaja yang layak memohon insentif di bawah Kategori Perantis.
- 4.2 Di bawah Insentif PenjanaKerjaya 3.0, perantis yang diambil oleh majikan hendaklah dibayar gaji minimum tidak kurang daripada RM1,200 sebulan.
- 4.3 Perantis yang digajikan hendaklah daripada kalangan lepasan sekolah dan graduan yang masih menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan tetap.
- 4.4 Majikan boleh menggajikan mana-mana perantis yang mengikuti Program Perantisan yang dilaksanakan oleh **syarikat dan badan-badan berkanun yang diasingkan saraan**.
- 4.5 Di bawah Insentif PenjanaKerjaya 3.0, terdapat dua kadar insentif yang ditawarkan kepada majikan iaitu—
 - (a) RM1,000 setiap bulan jika majikan menawarkan tempoh 3 bulan kontrak perantisan. Sekiranya kontrak perantisan dilanjutkan selepas tamat tempoh 3 bulan, majikan layak memohon insentif lanjutan selama 3 bulan maksimum sebanyak RM600 sebulan; dan
 - (b) RM800 setiap bulan sekiranya tempoh kontrak perantisan adalah bagi tempoh 6 bulan secara terus menerus.

- 4.6 Jumlah maksimum insentif yang boleh diterima oleh majikan bagi seorang perantis ialah RM4,800 selama tempoh 6 bulan berdasarkan perenggan 4.5 di atas.
- 4.7 Bagi perantis yang diserapkan sebagai pekerja tetap, majikan boleh memohon Insentif Pengambilan Pekerja di bawah kategori bawah 40 tahun, berdasarkan syarat kelayakan kategori insentif 40% daripada gaji yang ditawarkan tertakluk kepada had siling gaji maksimum RM10,000 sebulan untuk tempoh maksimum **3 bulan** sahaja.

5. KATEGORI MALAYSIANIZATION

- 5.1 Majikan yang menawarkan penggantian jawatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan bagi menggantikan Pekerja Asing layak memohon Insentif di bawah Kategori Malaysianization.
- 5.2 Bagi PenjanaKerjaya 3.0, kadar minimum gaji bulanan bagi kategori Malaysianization ialah RM1,200 sebulan.
- 5.3 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada jawatan yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada pekerja asing.
- 5.4 Kategori pekerjaan adalah termasuk pekerjaan yang secara tradisinya diisi oleh pekerja asing atau pekerja bukan warganegara (kecuali PermastautinTetap).
- 5.5 Hanya majikan yang mempunyai rekod penggajian pekerja asing di PERKESO sahaja yang dibenarkan membuat permohonan Malaysianization atau berdasarkan senarai jawatan yang kebiasannya diisi oleh pekerja asing.

- 5.6 Bayaran insentif bagi kategori ini layak diterima oleh majikan dan pekerja.
- 5.7 Insentif maksimum yang akan diterima oleh majikan bagi setiap pekerja tempatan yang diambil di bawah kategori ini adalah RM4,000 iaitu **40%** daripada gaji bulanan manakala **20%** daripada gaji bulanan atau RM500 minima akan dibayar terus kepada pekerja. Kiraan kadar insentif ini adalah tertakluk kepada had siling gaji maksimum RM10,000 sebulan.
- 5.8 Contoh, sekiranya tawaran gaji adalah RM1,200 (gaji pokok dan elaun tetap sahaja tidak termasuk elaun kerja lebih masa), majikan akan dibayar insentif sebanyak RM480 manakala pekerja yang berkenaan akan diberi insentif RM500 menjadikan gaji kasar RM1,700. Gaji kasar RM1,700* dalam contoh di atas adalah sebelum dipotong caruman KWSP, PERKESO dan SIP bagi pihak pekerja sahaja.

6. PROGRAM LATIHAN

- 6.1 Majikan yang mengambil pekerja atau perantis di bawah semua kategori layak memohon program latihan untuk pekerja dan perantisnya sekiranya memenuhi kriteria yang berikut:
 - i. Majikan yang mengambil pekerja dan perantis di bawah PenjanaKerjaya 3.0 layak memohon untuk pekerja dan perantisnya menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran (*reskilling & upskilling*) berdasarkan keperluan pekerjaan atau perusahaan majikan;
 - ii. Majikan hanya layak memohon satu (1) kursus sahaja dalam tempoh menerima insentif daripada senarai kursus latihan yang diperakukan oleh PERKESO kecuali kursus pensijilan

ataupun peperiksaan yang berkaitan dan berdasarkan kursus pertama yang diselesaikan;

- iii. Permohonan latihan perlu dikemukakan oleh majikan dalam tempoh menerima insentif pengambilan pekerja atau insentif perantisan sahaja; dan
 - iv. Program latihan hanya diberikan kepada pekerja atau perantis yang diluluskan di bawah PenjanaKerjaya 3.0 sahaja dan tidak dibenarkan untuk dihadiri oleh pekerja, perantis atau mana-mana orang yang tidak tersenarai dalam insentif PenjanaKerjaya tersebut.
- 6.2 Senarai kursus yang terperinci boleh didapati di laman sesawang **penjanakerjaya.perkeso.gov.my**. Senarai kursus latihan ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.
- 6.3 Tempoh latihan di bawah PenjanaKerjaya 3.0 **tidak melebihi 60 hari**.

7. ELAUN PERSEDIAAN KERJA (BANTUAN MOBILITI)

- 7.1 Bantuan Mobiliti adalah layak dimohon bagi pekerja atau perantis yang dilantik mulai **15 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021** dan diluluskan di bawah PenjanaKerjaya 3.0 tertakluk kepada syarat-syarat Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Insentif Perantisan.
- 7.2 Elaun Persediaan Kerja (Bantuan mobiliti) adalah diberikan kepada setiap pekerja atau perantis melalui majikan jika kriteria yang berikut dipenuhi:
- i. Bagi pekerja dan perantis yang diambil oleh majikan di bawah PenjanaKerjaya 3.0 ini, jarak dari tempat mereka

- bermastaутin ke tempat kerja baharu tidak melebihi 100km (satu hala dalam Semenanjung, dalam Sabah atau dalam Sarawak sahaja) adalah layak menuntut eluan **RM500** melalui majikan; dan
- ii. Bagi jarak dari tempat bermastaूtin ke tempat kerja baharu yang melebihi 100km (satu hala dalam Semenanjung, dalam Sabah atau dalam Sarawak sahaja), layak menuntut **RM1,000** melalui majikan.
- 7.3 Majikan bertanggungjawab membuat permohonan kepada PERKESO bagi pihak pekerja atau perantis mereka.
- 7.4 Seorang pekerja atau perantis hanya layak menerima Bantuan Mobiliti sekali sahaja secara "one-off" sepanjang tempoh Program PenjanaKerjaya 3.0.
- 7.5 Majikan wajib membayar kepada pekerja atau perantis jumlah Bantuan Mobiliti yang telah diluluskan pada bulan yang sama pembayaran bantuan mobiliti dibuat oleh PERKESO kepada majikan. PERKESO akan menggantung apa-apa bayaran kepada majikan sekiranya terdapat aduan daripada pekerja atau perantis bahawa bantuan ini tidak dibayar kepada mereka.
- 7.6 Majikan juga wajib memasukkan butiran bayaran Bantuan Mobiliti di dalam slip gaji pekerja atau perantis yang berkenaan sebagai bukti pembayaran kepada pekerja tersebut selepas pembayaran bantuan ini dibuat kepada pekerja atau perantis.

8. TATACARA PERMOHONAN

- 8.1 Mulai **15 Julai 2021**, majikan yang telah membuat pengambilan pekerja atau perantis pada atau selepas **15 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021** boleh membuat permohonan PenjanaKerjaya 3.0 bagi pekerja atau perantis yang telah diambil tertakluk kepada syarat-syarat lain sebagaimana dinyatakan dalam Pekeliling ini.
- 8.2 Majikan boleh membuat permohonan PenjanaKerjaya 3.0 di laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my.
- 8.3 Dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Insentif Perantisan adalah seperti berikut:
 - i. Maklumat akaun bank majikan (salinan halaman hadapan Penyata Bank / muka depan buku bank yang tertera nama majikan, nombor akaun majikan dan nama bank);
 - ii. Penyata kewangan tahunan syarikat bagi pembuktian baki semasa dan terkini serta mencukupi bagi membayar gaji pekerja atau perantis baharu yang diambil di bawah PenjanaKerjaya 3.0;
 - iii. Maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang telah disahkan oleh pihak bank (Business Registration Number - BRN);
 - iv. Maklumat akaun bank pekerja atau perantis (salinan halaman hadapan Penyata Bank yang tertera nama pekerja, nombor akaun pekerja, nombor kad pengenalan dan nama bank);

- v. Salinan Pendaftaran Perniagaan **SSM** (borang 9 & Profil Syarikat) atau pihak berkuasa yang lain seperti ROS, ROC, PBT,dan lain-lain;
- vi. Borang Pengesahan Pekerja atau Perantis yang telah ditandatangani oleh pekerja atau perantis yang berkenaan;
- vii. Perakuan / *Self Declaration* oleh majikan sekiranya pekerja tersebut adalah dari Kategori Golongan Mudah Terjejas seperti di dalam jadual (Contohnya adalah bagi kategori OKU perlu dapatkan salinan kad OKU dan bagi kategori selainnya perlu dapatkan pengesahan dari agensi yang berkaitan);
- viii. **Kontrak Perkhidmatan Pekerja atau Kontrak Perantisan** yang berkenaan serta maklumat **slip gaji** pekerja perlu disimpan sebagai bukti dan perlu dikemukakan kepada PERKESO sekiranya diminta oleh PERKESO; dan
- ix. Borang Perakuan Berkanun bahawa kenyataan yang diberikan oleh pihak majikan adalah benar (sekiranya diminta diisi oleh pihak PERKESO).

Nota: Majikan dikehendaki untuk menyemak maklumat (i) dan (ii) di atas dan memastikan maklumat tersebut adalah betul dan tepat bagi **mengelakkan** sebarang kelewatan pemprosesan bayaran.

9. PELAKSANAAN BAYARAN

- 9.1 Bayaran Insentif Pengambilan Pekerja dan Insentif Perantisan bulan pertama akan dikreditkan ke dalam akaun majikan dalam tempoh 30 hari selepas permohonan lengkap diluluskan. Bayaran insentif bulan

seterusnya akan dikreditkan ke dalam akaun majikan selepas PERKESO menerima bayaran caruman bulanan majikan berkenaan dengan pekerja atau perantis yang berkaitan.

- 9.2 Bantuan Mobilti akan dibayar kepada pekerja atau perantis melalui majikan secara 'one-off' selepas permohonan lengkap diterima dan diluluskan dan majikan tersebut hendaklah menyalurkan bayaran bantuan tersebut kepada pekerja atau perantis yang berkaitan.
- 9.3 Pekerja atau perantis yang digaji dan diluluskan di bawah PenjanaKerjaya 3.0 layak untuk menjalani latihan tertakluk kepada terma dan syarat di mana yuran latihan akan ditanggung oleh PERKESO dan dibayar kepada penyedia latihan yang berkenaan setelah pekerja atau perantis tersebut menyempurnakan kursus yang disertai.
- 9.4 Kesemua bayaran akan dibayar terus ke dalam akaun majikan secara *Electronic Fund Transfer (EFT)*.
- 9.5 Yuran Latihan akan dibayar secara EFT kepada penyedia latihan.
- 9.6 Insentif di bawah kategori Malaysianization sebanyak 20% daripada gaji bulanan akan dibayar secara EFT kepada pekerja.

10. PELAKSANAAN

- 10.1 Setelah permohonan lengkap oleh majikan atau penyedia latihan diterima, PERKESO boleh mengambil tindakan yang berikut:
 - i. Meluluskan permohonan tersebut sekiranya semua syarat-syarat di atas dipenuhi;

- ii. Menolak permohonan tersebut jika butir-butir atau dokumen yang dikemukakan palsu, tidak benar atau tidak betul pada masa permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, atau jika majikan, pekerja, perantis atau penyedia latihan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
- iii. Menggantung dan memberhentikan bayaran jika permohonan atau bayaran dibuat oleh PERKESO tersebut adalah berdasarkan maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau jika majikan, pekerja, perantis atau penyedia latihan tidak memenuhi atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan;
- iv. Mengambil apa-apa tindakan undang-undang menerusi laporan kepada PDRM ataupun SPRM untuk menuntut semula bayaran yang telah dibayar kepada majikan dan penyedia latihan, sekiranya majikan atau penyedia latihan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan atau penyedia latihan tidak memenuhi atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut; dan
- v. Menangguhkan pemprosesan permohonan daripada majikan disyaki mengemukakan tuntutan yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau tidak memenuhi atau melanggar apa-apa syarat-syarat yang ditetapkan.

10.2 Walau apa sekalipun, pihak PERKESO berhak untuk melakukan semakan dan pengesahan semula pada bila-bila masa terhadap mana-mana majikan, pekerja atau penyedia latihan yang telah mendapat kelulusan di bawah Program PenjanaKerjaya 3.0 dan membuat apa-apa keputusan susulan yang sewajarnya berdasarkan hasil semakan dan pengesahan semula tersebut.

11. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 03-8091 5300 / 1-300-22-8000 atau e-mel kepada penjanakerjaya@perkeso.gov.my.

12. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Majikan Bil. 7 Tahun 2021 adalah berkuat kuasa serta-merta dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO^T SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 21 September 2021